

# 'Tidak sokong Muhyiddin bukan bermaksud keluar Bersatu' *Sinar Harian - 3/6/2020*

**KUALA LUMPUR** – Lima pemimpin Bersatu menegaskan mereka masih lagi ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) kerana tidak pernah mengisytiharkan keluar daripada parti itu atau menyertai parti politik lain.

Dalam satu kenyataan bersama semalam, Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Datuk Amiruddin Hamzah dan Dr Maszlee Malik menegaskan pementakan daripada parti itu tidak boleh dibuat oleh Setiausaha Kerja melainkan selepas diadakan aduan kepada Jawatankuasa Disiplin dan pihak yang dituduh diberi peluang mempertahankan diri.

Menurut mereka, pi-



**DR MAHATHIR**




**MASZLEE**



**MUKHRIZ**



**AMIRUDDIN**



**SYED SADDIQ**

lian untuk tidak menyokong kerajaan dipimpin Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin atau Perikatan Nasional (PN) tidak bermakna mereka keluar daripada Bersatu.

“Kami secara jelas dan tuntas pada 18 Mei 2020 pada masa persidangan Dewan Rakyat memilih untuk berada dalam blok yang tidak menyokong kerajaan Muhyiddin kerana ia kerajaan yang me-

mungkir mandat rakyat yang telah diberikan kepada Pakatan Harapan (PH) melalui Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

“Surat pemakluman oleh (Setiausaha Kerja Bersatu) Kapten (B) Suhaimi Yahya atau pernyataan oleh individu lain sekalipun ia datang daripada seorang Perdana Menteri tidak boleh mengubah fakta bahawa perlucutan keahlian kami

salah di sisi perlembagaan parti dan undang-undang serta berniat jahat.

“Alasan kami telah hilang keahlian kerana menduduki kerusi tertentu di Parlimen tidak termasuk dalam perlembagaan parti,” kata mereka.

Selain itu, mereka juga menyebut Fasal 6 Perlembagaan Bersatu yang merujuk kepada tujuan dan matlamat parti itu ditubuhkan iaitu mem-

perkasa agenda memeringi rasuah dan salah guna kuasa untuk mewujudkan amalan tadbir urus yang baik dan pemerintahan yang bersih, beramaniah dan berintegriti.

“Tidak ada sebarang pertuduhan terhadap kami melakukan perkara bercanggah dengan agenda parti.

“Perlembagaan parti juga berlandaskan *Rule of Law*. Tiada sesiapa pun

yang boleh mengatasi undang-undang. Semua ahli parti berhak.

“Perbuatan Muhyiddin dan enam lagi ahli Parlimen lain jelas melanggar perlembagaan parti kerana tiada keputusan Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) untuk keluar PH.

“Muhyiddin dan enam lagi ahli Parlimen tersebut telah melanggar etika parti dan wajar dihadapkan ke lembaga disiplin,” kata mereka.

Pada 24 Februari lalu, Muhyiddin mengeluarkan kenyataan Bersatu keluar daripada PH ketika krisis politik yang menyaksikan Dr Mahathir meletakkan jawatan Perdana Menteri sekaligus menyebabkan kerajaan PH tumbang.